

Najib lantik Jack Ma jadi penasihat ekonomi digital Malaysia
Free Malaysia Today
Nov 4, 2016

Najib mengumumkan perkara itu semasa melancarkan Pavilion Pelancongan Alitrip Malaysia, sebuah platform e-Dagang untuk pelancongan, hari ini.

BEIJING: Pengasas Alibaba, Jack Ma, dilantik sebagai penasihat ekonomi digital kepada kerajaan Malaysia bagi menerajui pembangunan e-dagang negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, ia akan membuka bidang baharu kepada ekonomi Malaysia.

Antara projek yang akan dilaksanakan bersama Ma ialah Zon Perdagangan Bebas Digital yang disebut dalam Bajet 2017 dan akan dilancarkan tahun depan.

Pada sidang media bersama wartawan Malaysia hari ini, Najib berkata, sebagai ikon global dalam e-dagang, Ma akan turut membantu menyediakan pakej e-ekonomi dari segi pelaksanaannya, termasuk e-pembayaran, Alipay dan e-pembiayaan perbankan dalam talian.

Beliau berharap Ma dapat membantu menghubungkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia menerusi portal dalam talian untuk memberi akses kepada pengguna China serta membantu PKS negara menembusi pasaran China yang mempunyai kuasa beli besar.

Katanya, Alipay yang merupakan platform pembayaran utama China dilaksanakan Alibaba, juga dapat menarik pelancong China berbelanja kerana ia akan memudahkan rakyat negara itu yang bercuti di Malaysia, berbelanja tanpa perlu membawa wang atau kad kredit.

Najib yang juga menteri kewangan berkata, Zon Perdagangan Bebas Digital juga akan menggalakkan kewujudan perniagaan baharu.

Malah, berdasarkan rekod perniagaan, e-dagang mampu meningkatkan pertumbuhan syarikat antara 30 dan 40% setahun dan ia juga akan mewujudkan lebih banyak pendapatan serta manfaat kepada kerajaan dari segi cukai.

Bagi rakyat pula, katanya, e-dagang akan membantu menurunkan kos apabila membeli dalam talian dan membolehkan mereka menjimatkan wang.

Najib berkata, Ma akan datang ke Malaysia pada Mac tahun depan untuk menghadiri forum transformasi global Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) serta melancarkan Zon Perdagangan Bebas Digital.

Selain Ma, beliau turut menemui pemilik Wanda Group dan Tencent Holdings yang menyuarakan minat menyertai ekonomi digital Malaysia.

Wanda ialah syarikat hartanah komersial terbesar China dan pengendali rangkaian pawagam terbesar dunia, manakala Tencent ialah penyedia utama perkhidmatan menambah nilai Internet di China.

Najib berkata, Wanda berminat mempromosikan industri pelancongan Malaysia.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/04/najib-lantik-jack-ma-jadi-penasihat-ekonomi-digital-malaysia/>